

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	5 APRIL 2015

PM perlu jawab isu dibangkit Dr Mahathir

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu menjawab isu dibangkitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk meredakan suasana.

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, meskipun beberapa isu disentuh Dr Mahathir sudah dijawab sebelum ini, namun ia perlu dijawab lagi.

"Saya rasa (jawapan Najib) itu yang Dr Mahathir mahu. Kita boleh buat penjelasan, tapi paling berkesan kalau Najib sendiri memberi penjelasan.

"Kalau ditanya (lagi) oleh Dr Mahathir bermaksud jawapan sebelum ini tidak cukup atau tidak jelas. Jadi, kita kena jelaskan lagi,"

Sinar Harian - 5/4/2015

katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menyampaikan ucapan semasa Program Menolak Ekstremisme, semalam.

Khairy berkata, mengabaikan segala persoalan dibangkitkan Dr Mahathir bukan pilihan terbaik kerana ia akan memberi persepsi negatif kepada umum.

"Dr Mahathir bebas bercakap dan menulis. Lebih-lebih lagi sebagai bekas perdana menteri, sudah pasti beliau ada pandangan tersendiri. Kita harus mendengar dan menghayati apa yang ditulis oleh beliau.

"Saya rasa kalau kita buat-buat tidak tahu, ia akan menjadi masalah yang lebih teruk lagi. Kita kena jawab. Walaupun jawapan telah diberi, kena jawab lagi. Sama ada isu 1MDB (One Malaysia Development

Berhad), isu jet kerajaan, isu Sirul (Azhar Omar, berhubung dengan pembunuhan model Mongolia, Altantuya Syaariibuu) dan sebagainya. Kena jawab. Kita tak boleh abaikan sahaja masalah itu. Abaikan masalah itu bukan pilihan yang baik," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir masih mempunyai pengaruh besar, terutama dalam kalangan orang muda di negara ini.

"Saya harap mereka yang ada jawapan boleh tampil ke hadapan, termasuk saya, sebagai menteri. Kita akan turun ke bawah untuk memberi jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan secara spesifik.

"Isu ini mendapat perhatian dalam kalangan rakyat. Jangan kita anggap ini tak penting dan abaikan sahaja," katanya.